

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH


Hari Minggu Biasa ke-16

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI

TEMA BULANAN:
**BUKA MULUTMU,
 PERTAHANKAN YANG TERTINDAS**

AKU AKAN MENGANGKAT GEMBALA-GEMBALA!

Sekembali dari misi mengajar khabar gembira dan menjangkau orang lain, para rasul bersatu kembali dengan Yesus. Mereka pasti sangat teruja tetapi juga mungkin keletihan! Bagi Yesus, kesejahteraan mereka adalah penting. Dia memberitahu mereka pergi bersamanya ke tempat yang sunyi di mana mereka boleh bersendirian dan berehat sebentar. Namun, pemergian mereka diperhatikan oleh orang-orang yang tahu ke mana Yesus dan murid-murid-Nya menuju. Mereka bergegas ke tempat itu dan sampai di sana terlebih dahulu. Ketika Yesus melihat orang-orang itu, Dia merasa belas kasihan kepada mereka kerana mereka "seperti domba tanpa gembala".



Hari ini, **dunia sangat terdesak memerlukan Gembala Baik** untuk membimbing umat manusia di "jalan yang benar" dan melalui "lembah kekelaman". Kerana terdapat ramai "gembala palsu" yang menghancurkan dan menyelerakkan umat Allah. Ini mungkin orang berkuasa dalam pemerintahan, masyarakat dan bahkan di Gereja. Oleh kerana mereka gagal memimpin dan membimbing umat dengan betul, sekarang Allah sendiri akan menggembalakan umat-Nya.

Allah Bapa mengutus Kristus, Gembala yang Baik untuk menuntun dan membimbing kita, menyembuhkan kehancuran kita dan mengubah kita sepenuhnya. Setiap hari, Yesus memanggil kita untuk menjauhkan diri dari tempat-tempat yang sesak dan keadaan sibuk untuk meluangkan masa bersama-Nya dan berehat di dalam-Nya. Dia ingin membawa kita ke "padang rumput yang hijau" dan "air yang tenang" di mana kita dapat dibekalkan oleh kasih dan belas kasih-Nya.

Allah juga ingin mengutus kita, "gembala-gembala-Nya" ke dalam situasi keraguan dan ketidakpercayaan, ketakutan dan konflik, penderitaan dan kesedihan, kemiskinan dan ketidakadilan. Dia ingin kita berkongsi damai dan penghiburan yang Dia bawa kepada semua orang, terutama dengan orang miskin dan tertindas.

Adakah kita berehat dalam keheningan hati kita sendiri dengan Yesus? Adalah penting bagi kita untuk melakukan ini kerana ia membantu kita memusatkan diri pada Kristus untuk keselesaan, penghiburan, pendamaian dan kekuatan. Hanya dengan cara ini kita dapat benar-benar menjangkau dan memberikan diri kita kepada orang lain dengan kasih dan layak melayani mereka sebagai "gembala" Kristus. Seperti yang diberitakan oleh nabi Yeremia, Allah "*akan mengangkat atas mereka gembala-gembala yang akan menggembalakan mereka, sehingga mereka tidak takut lagi, tidak terkejut dan tidak hilang seekorpun...*" (Yer. 23: 4).

Semoga pada hari ini kita mendengarkan suara-Nya dan menyahut kepada panggilan-Nya! ✝

PETIKAN TULISAN
 SUCI UNTUK
 DIHAFAL:

"Tuhan adalah
 gembalaku,
 takkan
 kekurangan
 aku."

(Maz. 23: 1)

AYAT SUCI
 MINGGU INI

Yer. 23: 1-6;

Maz. 22: 1-6;

Ef. 2: 13-18;

Mk. 6: 30-34.